



LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH)



KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tawaran tender ini terbuka dan dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) & Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam bidang kerja-kerja berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENYERTAAN TENDER	BUTIR-BUTIR LAWATAN DAN TAKLIMAT TAPAK	TARIKH,WAKTU,TEMPAT DAN HARGA DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	<p>No. Tender : LKKS/T/TS/K/01/2026</p> <p>Tawaran Semula Cadangan Membina Baharu dan Menyiapkan 8 Unit Premis Perniagaan 2 Tingkat di atas Lot 5453, Lot 5461-Lot 5467, Mukim Bandar Gua Musang, Daerah Galas, Jajahan Gua Musang, Kelantan Darul Naim.</p>	<p align="center">Terbuka</p> <p align="center">Dan Berdaftar dengan:</p> <p align="center">Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) & Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)</p> <p align="center">i) G5,</p> <p>B04- Kerja Am Bangunan & CE21- Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam</p> <p align="center">DAN</p> <p>Keperluan TCC (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE) dengan status 'PATUH' dan masih dalam tempoh sah laku perlu dikemukakan oleh syarikat bersama-sama semasa taklimat tender/ lawatan tapak</p>	<p align="center">DIWAJIBKAN</p> <p>Tarikh : 26 April 2026 (Ahad)</p> <p>Waktu : 10.30 pagi</p> <p>Tempat Taklimat Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, 18300 Gua Musang, Kelantan.</p> <p>Lawat Tapak : Lokasi Projek</p>	<p>Tarikh Dijual : 26 April 2026 (Ahad)</p> <p>hingga 30 April 2026 (Khamis)</p> <p>Waktu: Ahad-Rabu (8.00 pagi – 4.00 petang)</p> <p>Khamis (8.00 pagi-3.30 Petang)</p> <p>Dokumen Tender boleh didapatkan di Kaunter Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat KESEDAR Gua Musang, Kelantan</p> <p>Harga Dokumen : RM 100.00</p>	<p>Tarikh Tutup : 18 Mei 2026 (Isnin)</p> <p>Waktu : 12.00 T/Hari</p>

2.	Hanya “ Dokumen Tender ” yang memerlukan pengisian maklumat sahaja akan diambil kira sebagai penilaian . Halaman yang TIDAK memerlukan pengisian oleh Petender adalah KEKAL mengikut “Dokumen Tender” asal yang berada di Unit Perolehan, Bahagian Kewangan KESEDAR (Sekiranya diperlukan sebagai rujukan).
3.	“Dokumen Tender” hanya akan dikeluarkan kepada Petender yang ditauliahkan seperti PENAMA di dalam Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) & Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) secara “ Softcopy ” yang mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya serta hanya boleh dibeli melalui Kaunter Bahagian Kewangan , KESEDAR mulai 26 April 2026 (Ahad) . Satu syarikat hanya dibenarkan untuk membeli satu (1) set dokumen tender dan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja. Tawaran alternatif adalah TIDAK DIBENARKAN .
4.	Petender dinasihatkan mengemukakan sijil asal (LPIPM/ CIDB & PKK) dan sesalinan sijil-sijil berkaitan semasa hadir ke lawatan tapak (jika ada). Hanya penama seperti di dalam pendaftaran syarikat sahaja dibenarkan hadir taklimat .
5.	Sewaktu pembelian “Dokumen Tender”, satu resit rasmi akan dikeluarkan bersama nombor siri tertentu bagi tujuan kawalan pengeluaran “Dokumen Tender”. Sewaktu menghantar “Dokumen Tender”, resit asal perlu dikemukakan bersama-sama dengan “Dokumen Tender”. Sekiranya berlaku kehilangan resit asal, permohonan petender TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN .
6.	Pembelian Dokumen Tender menggunakan TUNAI SAHAJA . Bagi Petender yang telah membeli dokumen tawaran pada sesi yang lalu, Dokumen Tender Tawaran Semula akan diberikan secara PERCUMA .
7.	Para Petender hendaklah mencetak semua helaian “Dokumen Tender” (kecuali lukisan) sepertimana yang dibekalkan dalam softcopy dan perlulah menghantar ke Bahagian Kewangan KESEDAR selewat-lewatnya pada 18 Mei 2026 (Isnin) .

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat KESEDAR,
18300 Gua Musang, Kelantan.
(U.P :Unit Perolehan)